

Headline	Projek Baiti bukti keprihatinan TH		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	22	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	319 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,800
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,400



Projek Baiti bukti keprihatinan TH

» *Program CSR bantu golongan kurang mampu*

Lembaga Tabung Haji (TH) sebagai sebuah institusi korporat Islamik terbesar menawarkan perkhidmatan pengurusan haji dan tabungan dalam merealisasikan impian pendepositnya untuk menunaikan fardu haji.

TH terus menggiatkan usaha menggembeng dan memperkayakan modal pendeposit agar memperoleh pulangan yang kompetitif.

TH tak melupakan golongan memerlukan

Pada masa sama, TH turut tidak melupakan golongan yang memerlukan dalam masyarakat dengan menghulurkan pelbagai sumbangan dan bantuan bagi meringankan bebanan mereka.

Ini terbukti menerusi pelaksanaan beberapa program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dilaksanakan saban tahun bagi membantu golongan kurang berkemampuan.

Projek Baiti adalah satu daripada program CSR yang dilaksanakan bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk membaik pulih atau membina semula rumah kediaman mereka.

Program CSR yang dijalankan memperlihatkan keprihatinan TH sebagai sebuah institusi Islam ikonik negara dalam melestarikan ekonomi ummah khususnya golongan asnaf.

Program seumpama ini juga sebagai landasan bagi TH mendekati serta berkongsi pulangan yang dikecapi dengan golongan memerlukan, sejajar dengan visi TH iaitu Tunggak Kejayaan Ekonomi Ummah.

Tingkat sosioekonomi

Sumbangan ini juga diharap dapat meningkatkan tahap sosioekonomi dan kehidupan golongan sasaran kepada yang lebih baik.

Untuk 2012, projek yang dilaksanakan dengan kerjasama strategik Baitulmal Wilayah Persekutuan menerima peruntukan berjumlah RM350,000 bagi membina dan membaik pulih tujuh unit rumah.

Baru-baru ini, dalam satu majlis ringkas di Kampung Kerdas 2, Batu 5 1/2, Gombak, Kuala Lumpur, TH telah menyerahkan tiga unit rumah kepada tiga keluarga dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah berjaya di-

siapkan di bawah Projek Baiti TH dengan kos keseluruhan pembinaan berjumlah RM132,500.

Empat orang lagi penerima telah dikenal pasti dan kerja-kerja membaik pulih rumah mereka akan dimulakan dalam masa terdekat.

Sepanjang 2012 dan 2013, TH memperuntukkan lebih RM3.35

juta untuk projek Baiti bagi tujuan pembinaan 70 rumah baru dan sebuah masjid selain membaik pulih 21 rumah di tujuh negeri antaranya Pahang, Perak, Kuala Lumpur serta Selangor.

Selain Projek Baiti, TH turut mengagihkan zakat secara terus kepada golongan asnaf di seluruh negara menerusi aktiviti seperti Program Pengagihan Zakat Perniagaan, Program Ehsan dan Program Iqra'.

FAKTA NOMBOR

70 rumah

baru dibina untuk Projek Baiti sepanjang 2012 dan 2013

Headline	Projek Baiti bukti keprihatinan TH		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	22	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	319 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,800
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,400



Rozian Mohd Ali, menunjukkan **rumah sumbangan Tabung Haji** yang diterimanya selepas majlis penyerahan Rumah TH Projek Baiti di Kampung Kerdas 2, Gombak, Kuala Lumpur.

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]